

NOXWORM CHEWTAB

Albendazole (200mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Noxworm Chewtab
2. Bagaimana Noxworm Chewtab berfungsi
3. Sebelum mengambil Noxworm Chewtab
4. Cara mengambil Noxworm Chewtab
5. Semasa mengambil Noxworm Chewtab
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Noxworm Chewtab
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Noxworm Chewtab

Noxworm Chewtab digunakan untuk merawat jangkitan cacing seperti cacing benang, cacing cambuk, cacing gelang, cacing tambang dan cacing pita.

Bagaimana Noxworm Chewtab berfungsi

Noxworm Chewtab mengandungi albendazole yang mengubah sel-sel dalam cacing dengan demikian menyekat pengambilan glukosa dan secara langsung mengurangkan tahap tenaga yang diperlukan untuk terus hidup. Dengan pengeluaran tenaga yang semakin berkurangan, parasit tidak dapat bergerak dan akhirnya mati.

Sebelum mengambil Noxworm Chewtab

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil Noxworm Chewtab jika:

- Anda alah kepada albendazole atau ubat yang serupa atau mana-mana bahan yang terkandung dalam ubat ini.
- Anda mengandung atau mungkin hamil.

- Sebelum mula mengambil

Ia boleh menyebabkan kemudaratan pada janin. Oleh itu, wanita yang boleh mengandung hanya boleh memulakan rawatan:

- selepas ujian kehamilan yang negatif, atau
- dalam masa 7 hari selepas bermulanya haid

Wanita yang menyusukan anak perlu mendapatkan nasihat doktor sebelum mengambil Noxworm Chewtab kerana tahap perkumuhan dalam susu ibu tidak diketahui.

- Jika mengambil ubat-ubatan lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Beritahu doktor anda jika anda mengambil ubat ini kerana ia mungkin berinteraksi dengan Noxworm chewtab:

- Dexamethasone (sejenis steroid)
- Praziquantel (ubat anti-cacing)
- Cimetidine (ubat untuk merawat gastik, ulser perut dan pedih ulu hati)

Cara mengambil Noxworm Chewtab

Ikut arahan yang diberikan oleh doktor dan ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Noxworm Chewtab diambil secara oral.

- Berapa banyak harus digunakan

Untuk jangkitan cacing benang, cacing cambuk, cacing gelang dan cacing tambang:

Dewasa & kanak-kanak melebihi 2 tahun:

Kunyah 2 tablet sekali sahaja.

Kanak-kanak 1 hingga 2 tahun:

Kunyah 1 tablet sekali sahaja.

Untuk jangkitan cacing pita dan cacing benang (strongyloides):

Dewasa & kanak-kanak melebihi 2 tahun:

Kunyah 2 tablet sekali sehari selama 3 hari berturut-turut.

Kanak-kanak 1 hingga 2 tahun:

Kunyah 1 tablet sekali sehari selama 3 hari berturut-turut.

Dos boleh diulang dalam 2 hingga 3 minggu jika jangkitan tidak bertambah baik atau berulang.

- Bila perlu diambil

Ambil Noxworm Chewtab seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu diambil

Ambil Noxworm Chewtab seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Jika gejala berterusan, rujuk kepada nasihat doktor.

- Jika terlupa mengambil

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda lupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Anda mungkin mengalami gejala gastrousus seperti loya, muntah, cirit-birit dan sakit perut.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat anda, jika anda fikir anda atau orang lain mungkin telah mengambil terlalu banyak ubat ini. Lakukan ini walaupun tiada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera.

Semasa mengambil Noxworm Chewtab

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan anda.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Noxworm Chewtab.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

Semua ahli keluarga dan orang lain yang mempunyai kontak rapat harus dirawat pada masa yang sama untuk mengelakkan jangkitan semula.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan
Jangan berhenti mengambil ubat melainkan dinasihatkan oleh doktor anda.

Jangan mengambil sebarang ubat baharu tanpa berunding dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan Noxworm chewtab kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Noxworm Chewtab mengandungi aspartame, oleh itu ia tidak sesuai untuk orang dengan fenilketonuria.

Kesan-kesan sampingan

Albendazole biasanya diterima dengan baik. Gejala yang dilaporkan termasuk gejala gastrousus dan sakit kepala.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Pengguna → Pelaporan Kesan Sampingan Ubat-ubatan (ConSERF) atau Kesan Advers Vaksin (AEFI)].

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Noxworm Chewtab

- Penyimpanan

- Simpan di bawah suhu 30°C.
- Jauhkan daripada cahaya dan kelembapan.
- Jauhkan semua ubat daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet berwarna perang berbentuk bulat dan rata, tablet tidak bersalut dengan perisa coklat.

- Bahan-bahan

- Bahan-bahan aktif

Albendazole

- Bahan-bahan tidak aktif

Microcrystalline cellulose, isomalt, magnesium aluminometasilicate, colloidal silicon dioxide, precipitated silicon dioxide, chocolate flavour, vanilla flavour, cocoa powder, aspartame, magnesium stearate.

- Nombor MAL:

MAL05121193XZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Winwa Medical Sdn. Bhd.
1952, Lorong I.K.S. Bukit Minyak 3,
Taman I.K.S. Bukit Minyak,
14000 Bukit Mertajam,
Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

31/10/2023

Nombor Siri:

NPRA(R4/1)300623/00057